

Tee Keat ditegur Kabinet, bukan parti – Najib

KUALA LUMPUR 15 Sept. – Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menjelaskan bahawa tindakan menegur Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat bukan daripada parti tetapi daripada kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dalam hal ini tidak perlu timbul rasa tidak puas hati terutama di kalangan pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN).

“Keputusan itu (menegur Tee Keat) adalah keputusan Kabinet, semua pemimpin parti komponen turut ada,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran dan Penyerahan Biasiswa Khas DRB-HICOM DEF-TECH di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau tidak mahu isu itu dipanjangkan lagi.

“Tak apalah, tiada tindakan (yang dikenakan pada Tee Keat), cukup-

lah. Ini adalah prinsip... satu daripada segi politik, satu lagi parti.

“Tapi bila tiba di peringkat kerajaan, prinsipnya jelas, anda tidak boleh campur tangan terhadap kementerian lain,” tegas beliau.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan terdapat rasa tidak puas hati mengenai teguran Kabinet terhadap Tee Keat kerana ia seperti berat sebelah.

Difahamkan, isu itu timbul ke-

rana ia disamakan dengan isu Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon yang ditegur hebat oleh Pergerakan Pemuda UMNO berhubung kemunduran orang Melayu di pulau tersebut.

Semalam, Kabinet memberi teguran kepada Tee Keat kerana kesalahan memberi komen terhadap Kementerian Pelajaran.

Najib berkata, Tee Keat telah melanggar prinsip Kabinet yang

tidak membenarkan menteri dan timbalan menteri memberi komen terhadap kementerian lain yang bukan diwakilinya.

Beliau menegaskan, prinsip yang diamalkan oleh Kabinet menetapkan setiap menteri dan timbalan menteri melihat bidang kuasa masing-masing dan tidak menyentuh kuasa kementerian lain kecuali Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

UM - 16/9/2006